



12 Julai 2012  
12 July 2012  
P.U. (A) 211

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT  
GAZETTE*

PERATURAN-PERATURAN PASARAN MODAL DAN  
PERKHIDMATAN (INDUSTRI SKIM PERSARAAN  
SWASTA)(FI) 2012

*CAPITAL MARKETS AND SERVICES (PRIVATE  
RETIREMENT SCHEME INDUSTRY) (FEES) REGULATIONS  
2012*



DISIARKAN OLEH/  
*PUBLISHED BY*  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
*ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS*

AKTA PASARAN MODAL DAN PERKHIDMATAN 2007

PERATURAN-PERATURAN PASARAN MODAL DAN PERKHIDMATAN (INDUSTRI SKIM PERSARAAN SWASTA) (FI) 2012

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 139ZI dan 139ZJ Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 [*Akta 671*], Suruhanjaya, dengan kelulusan Menteri, membuat peraturan-peraturan yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Pasaran Modal dan Perkhidmatan (Industri Skim Persaraan Swasta) (Fi) 2012**.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 12 Julai 2012.

**Tafsiran**

2. Dalam Peraturan-Peraturan ini—

“kumpulan wang ” ertinya apa-apa kumpulan wang dalam suatu skim persaraan swasta;

“dokumen penzahiran” ertinya apa-apa dokumen yang dikeluarkan oleh penyedia skim persaraan swasta yang mempelawa caruman kepada skim persaraan swasta itu;

“surat ikatan” ertinya apa-apa surat ikatan yang mewujudkan amanah yang mengawal penubuhan dan operasi suatu skim persaraan swasta dan kumpulan wang dalam skim persaraan swasta itu dan termasuk apa-apa surat ikatan tambahan.

**Fi yang kena dibayar**

3. Tertakluk kepada peraturan 6, fi yang kena dibayar berkenaan dengan Bahagian IIIA Akta dan Peraturan-Peraturan Pasaran Modal dan Perkhidmatan (Industri Skim Persaraan Swasta) 2012 [*P.U. (A) 77/2012*] adalah sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual.

**Fi bagi tindakan Suruhanjaya**

4. (1) Fi yang kena dibayar kepada Suruhanjaya di bawah Peraturan-Peraturan ini berkenaan dengan pendaftaran suatu dokumen oleh, atau penyerahsimpanan suatu dokumen dengan Suruhanjaya atau berkenaan dengan apa-apa permohonan hendaklah dibayar pada masa dokumen itu dihantar serah kepada Suruhanjaya bagi pendaftaran atau penyerahsimpanan atau pada masa permohonan itu dikemukakan kepada Suruhanjaya.

(2) Jika suatu fi yang kena dibayar di bawah Peraturan-Peraturan ini bagi atau berkenaan dengan pendaftaran suatu dokumen oleh, atau penyerahsimpanan suatu dokumen dengan Suruhanjaya atau berkenaan dengan apa-apa permohonan dan dokumen yang dikemukakan bagi pendaftaran atau penyerahsimpanan atau permohonan dikemukakan tanpa pembayaran fi itu, dokumen itu hendaklah disifatkan tidak dikemukakan bagi pendaftaran atau diserahkan atau permohonan itu hendaklah disifatkan tidak dikemukakan sehingga fi itu dibayar.

**Penarikan balik, penolakan dan kajian semula keputusan Suruhanjaya**

5. (1) Jika mana-mana permohonan atau pendaftaran ditarik balik—

(a) sebelum Suruhanjaya memulakan kerja terhadap permohonan atau pendaftaran, amaun penuh fi yang telah dibayar berkenaan dengan permohonan atau pendaftaran itu boleh dibayar balik oleh Suruhanjaya; atau

(b) selepas Suruhanjaya memulakan kerja terhadap permohonan atau pendaftaran, amaun penuh fi yang kena dibayar berkenaan dengan permohonan atau pendaftaran itu hendaklah kena dibayar kepada Suruhanjaya.

(2) Jika suatu permohonan atau pendaftaran ditolak atau dikembalikan oleh Suruhanjaya, amaun penuh fi yang ditetapkan di bawah Peraturan-Peraturan ini hendaklah kena dibayar kepada Suruhanjaya.

(3) Jika suatu permohonan telah dibuat untuk kajian semula keputusan Suruhanjaya, tiada fi yang kena dibayar bagi permohonan itu.

### **Penepian fi tahunan skim persaraan swasta**

6. Suruhanjaya boleh menepikan fi tahunan untuk skim persaraan swasta bagi tempoh tiga tahun dari tarikh kuat kuasa Peraturan-Peraturan ini.

JADUAL  
[Peraturan 3]

<i>No.</i>	<i>Perihal</i>	<i>Fi</i>
1.	Penubuhan skim persaraan swasta	RM10,000.00 setiap skim persaraan swasta + RM5,000.00 setiap kumpulan wang
2.	Kebenaran untuk kumpulan wang tambahan di bawah skim persaraan swasta yang diluluskan	RM5,000.00 setiap kumpulan wang
3.	Fi tahunan untuk skim persaraan swasta	RM10,000.00 setiap skim persaraan swasta
4.	Pendaftaran surat ikatan	RM1,500.00 + RM100.00 setiap kumpulan wang
5.	Pendaftaran surat ikatan tambahan	RM1,000.00
6.	Pendaftaran dokumen penzahiran	RM5,000.00 + RM500.00 setiap kumpulan wang
7.	Pendaftaran dokumen penzahiran tambahan	RM2,500.00 + RM100.00 setiap kumpulan wang
8.	Pendaftaran dokumen penzahiran gantian	RM2,500.00 + RM100.00 setiap kumpulan wang
9.	Pendaftaran pemegang amanah skim	RM5,000.00 setiap orang
10.	Pendaftaran pemegang amanah majikan	RM1,000.00 setiap orang
11.	Pembaharuan pendaftaran pemegang amanah skim	RM2,500.00 setiap orang
12.	Pembaharuan pendaftaran pemegang	RM1,000.00 setiap orang

<i>No.</i>	<i>Perihal</i>	<i>Fi</i>
	amanah majikan	
13.	Pelantikan wakil yang tidak dilesenkan oleh Suruhanjaya oleh penyedia skim persaraan swasta	RM2,500.00 setiap wakil
14.	Pelantikan penasihat	RM2,500.00 setiap kumpulan wang
15.	Pengecualian atau perubahan daripada garis panduan	RM500.00 setiap pengecualian atau perubahan bagi setiap kumpulan wang
16.	Lanjutan tempoh masa daripada pematuhan garis panduan atau terma dan syarat kelulusan Suruhanjaya	RM1,000.00 setiap permohonan bagi setiap kumpulan wang
17.	Penyerahsimpanan dokumen	RM100.00 setiap dokumen
18.	<p>Permohonan untuk menyediakan satu atau mana-mana gabungan kemudahan yang berikut:</p> <p>(a) pengedaran atau pengagihan dokumen penzahiran dan borang permohonan elektronik;</p> <p>(b) transaksi skim persaraan swasta atas talian; dan</p> <p>(c) aktiviti atas talian berhubung dengan skim persaraan swasta</p>	RM1,000.00 setiap permohonan
19.	Permohonan untuk mengubah nama skim persaraan swasta atau kumpulan wang	RM1,000.00 setiap permohonan